



**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

1

Undang-Undang Laut Melaka ini telah disusun oleh beberapa orang nakhoda terkenal di Melaka dan telah diperkenankan oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1511M) sebagai undang-undang yang berkuat kuasa di laut dan di atas perahu.

Sumber: *Undang-Undang Laut Melayu: Undang-Undang Perahu dan Undang-Undang Belayar, Ahmad Jelani Halimi, DBP.*

(a) Senaraikan **dua** fasal yang terkandung dalam Undang-Undang Laut Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Terangkan kandungan dalam fasal di 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c)

MIRI: Kedaulatan undang-undang merupakan tunjang dalam sistem perundangan negara dan setiap orang harus menggalas tanggungjawab untuk menghormatinya sebagai asas dalam kehidupan masyarakat kita.

Sumber: *Utusan Borneo Online*, 14 Januari 2023

Baca petikan tersebut dan beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Gambar menunjukkan barisan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955.



Sumber: *Malaysia. Arkib Negara Malaysia, 2007. Merintis Denai Demokrasi. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia*

- (a) Namakan **dua** orang tokoh tempatan yang menganggotai kabinet tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Mengapakah pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu penting kepada negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.

(a) Jelaskan latar belakang pembentukan Durbar.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Terangkan fungsi Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Mengapakah institusi beraja masih relevan sehingga kini?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 memperuntukkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(a) Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Teliti lirik lagu “Bahasa Jiwa Bangsa” berikut.

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita,  
Marilah amalkan ramai-ramai,  
Bahasalah menyatukan kita semua,  
Yakinlah bahasa jiwa bangsa.

Berdasarkan lirik lagu tersebut, sejauh manakah bahasa kebangsaan mampu menyatukan rakyat Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*

5 Perang Dunia Pertama yang bermula pada tahun 1914 telah berakhir pada tahun 1918.

(a) Jelaskan persidangan dan perjanjian damai yang diadakan selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama.

[6 markah]

(b) Perang Dunia Pertama memberikan kesan besar terhadap pemerintahan beraja dan pembentukan negara baharu. Terangkan.

[6 markah]

(c) Gambar berikut berkaitan kemusnahan akibat peperangan.



Berdasarkan gambar di atas, huraikan kemusnahan yang diakibatkan oleh peperangan.

[8 markah]

6 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

(a) Jelaskan peranan CLC dalam menyelesaikan isu tersebut.

[6 markah]

(b) Tindakan yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut berjaya memupuk perpaduan kaum. Terangkan pernyataan tersebut.

[6 markah]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain dan sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum.

“Di Malaysia, perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum sebahagian daripada sejarah dan warisan kita. Ia menjadi sumber penting integrasi kaum selama bertahun-tahun dan pastinya memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain,” katanya.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/perpaduan-kaum-di-malaysia-perlu-terus-utuh>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan di atas dan terangkan kesan sekiranya perpaduan tidak diamalkan dalam masyarakat kita.

[8 markah]

7 Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio mengumumkan dasar konfrontasi untuk menentang Malaysia.

(a) Jelaskan peristiwa konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

[4 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia bertindak menangani konfrontasi tersebut?

[8 markah]

(c) Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda mengelakkan konflik dengan negara serantau?

[8 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dasar pembangunan ekonomi negara.

Tahun	Dasar Pembangunan Ekonomi	Matlamat
1970 - 1990	Dasar Ekonomi Baru (DEB)	Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum
1991 - 2000	Dasar Pembangunan Nasional (DPN)	Mencapai perpaduan kaum melalui pengagihan kekayaan

(a) Jelaskan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DPN.

[6 markah]

(b) Pelaksanaan DEB dan DPN telah banyak mencapai kejayaan dari segi sosial. Buktikan pernyataan tersebut.

[6 markah]

(c)

“Kadar kemiskinan negara meningkat daripada 5.6% pada 2019 kepada 8.4% pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19.”

Sumber: <https://www.freemalaysiatoday.com>, 17 Jun 2021

Berdasarkan pernyataan di atas, mengapa berlaku peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia dan cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

[8 markah]

- 9 Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi dalam misi kemanusiaan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik akibat bencana alam dan peperangan.
- (a) Bagaimanakah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membantu negara berikut?
- (i) Palestin [4 markah]
- (ii) Syria [4 markah]
- (iii) Aceh [4 markah]
- (b) Petikan berikut merujuk kepada isu pelarian di Malaysia.

KUALA LUMPUR: Malaysia dibimbangi menjadi tempat lambakan pelarian apabila data terbaharu menunjukkan terdapat 182 000 pelarian dan pemohon suaka dari 50 negara dengan tertinggi adalah etnik Rohingya dari Myanmar.

Ini berdasarkan sehingga Mac lalu, pelarian dari Myanmar mencatatkan jumlah tertinggi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia iaitu 156 110 orang.

Beberapa pakar sosial berpandangan, lambakan pelarian berkenaan jika tidak ditangani segera boleh menimbulkan konflik yang teruk kepada negara, terutama kesan ditanggung oleh kerajaan dari sudut kesihatan dan kewangan.

Jurucakap UNHCR Malaysia, Yante Ismail, berkata daripada 156 110 pelarian dan pemohon suaka Myanmar, seramai 103 810 terdiri daripada etnik Rohingya, 22 700 China dan 29 600 individu dari kumpulan etnik lain.

“Pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia adalah meliputi 50 negara yang melarikan diri dari peperangan dan penindasan di negara asal mereka.”

Sumber: *BH Online*, 24 April 2022

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan pada negara sekiranya tidak diatasi.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**